

**TEKS UCAPAN**  
**NAIB CANSOLOR UMS**  
**BRIG. JENERAL PROF. DATUK SERI PANGLIMA DR. KAMARUZAMAN HJ.**  
**AMPON**  
**(MALAM BAKAT )**  
***Minggu Suai Mesra 2010 / 2011 (3 – 9 Julai 2010)***

---

Bismilahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMS

Yang Berusaha Prof. Dr. Amran Ahmed  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Yang Berusaha Prof. Dr. Rosnah Ismail  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Yang Berusaha Mejar (K) Abdullah Hj. Mohd. Said  
Pendaftar UMS

Tn. Hj. Rizal Othman  
Bendahari UMS

Pn. Dayang Rukiah Ag. Amit  
Ketua Pustakawan

Prof. Madya Dr. Mahmud Sudin  
Dekan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa  
Merangkap Ketua Pengarah Minggu Suai Mesra Sesi 2010/2011

Dekan – Dekan / Pengarah-pengarah Pusat / Ketua-ketua Jabatan / Ketua-ketua Unit UMS

Saudara. Mohd. Faezan Hamidun  
Presiden Majlis Perwakilan Pelajar beserta Barisan Kepimpinan MPP

Saudara Khalil Sabu

Ketua Pengarah Pembimbing Suai Mesra

Siswa-Siswi yang dikasihi sekalian

Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya , kita sekali lagi dipertemukan sempena Malam Persembahan Bakat iaitu majlis akhir Minggu Suai Mesra sesi 2010 / 2011. Pada majlis ini kita akan menyaksikan penampilan mahasiswa-mahasiswi baharu yang akan mempersembahkan pelbagai persembahan yang pastinya menarik dan menghiburkan.

Acara kita pada malam ini sebenarnya juga merupakan suatu simbolik mengenai keseimbangan suasana kehidupan kampus yang mencakupi seluruh aspek termasuk penerapan kesenian dan kebudayaan, dan bukannya tertumpu kepada bidang akademik semata-mata.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Jawatankuasa Induk MSM sesi 2010 / 2011 yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal pelajar dan Alumni) dan Prof. Madya Dr. Mahmud Sudin (Dekan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa) selaku Ketua pengarah MSM tahun ini. Terima kasih atas komitmen dan dedikasi anda bersama Jawatankuasa Pelaksana Pembimbing Suai Mesra (PSM). Saya difahamkan para PSM yang terdiri daripada kalangan pelajar senior ini telah bertungkus-lumus siang malam bagi memastikan MSM dapat berjalan dengan lancar. Tahniah saya ucapkan kepada anda sekalian.

### **Para hadirin, mahasiswa mahasiswi baru yang dihormati sekalian**

Saya berasa amat bangga melihat kehadiran siswa siswi di dewan yang indah pada malam yang mulia ini. Kesemuanya nampak segar , tampan , cantik , dan sangat bersemangat dalam memulakan kelas dan kuliah. Semangat seumpama inilah yang perlu dipraktikkan sepanjang saudara saudari menjalani sesi pengajian di UMS. Satu-satunya perkara yang harus anda ingat, tidak ada kejayaan yang mudah dikecapi . Semuanya memerlukan pengorbanan , usaha , kesungguhan dan semangat jati diri yang tinggi. Keseimbangan dan kesederhana dalam kehidupan dalam kampus ini juga

perlu diambil perhatian agar kita tidak leka dan alpa terhadap tugas sebenar sebagai pelajar.

Jangan-lah mudah terpengaruh dengan dakyah serta unsur – unsur negatif yang menyebabkan saudara saudari terlupa lalu meninggalkan hal ehwal pembelajaran dan pengajian. Jangan mudah terpedaya dengan khabar – khabar serta anasir-anasir yang boleh memporak perandakan semangat belajar, perpaduan , semangat kenegaraan dan toleransi antara kita. INGATLAH , dunia sekarang terlalu banyak pengaruh negatif yang boleh menyebabkan kita hanyut dalam haluan yang salah.

Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua warga UMS di dalam dewan ini agar bersama – sama meningkatkan prestasi diri selaku rakyat Malaysia yang mahukan kecemerlangan dalam Negara yang maju dan bersatu padu. Persembahan bakat yang bakal kita saksikan malam ini juga sekaligus mencerminkan gagasan 1Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak. Di UMS hubungan setiap para pelajar sememangnya terjalin erat sejak sekian lamanya walaupun kita di sini terdiri daripada pelbagai latar belakang suku kaum, budaya dan agama yang berbeza. Itulah kunci utama universiti ini terus pantas bergerak maju ke hadapan.

Sehubungan itu, UMS menagih komitmen dan kesungguhan saudara saudari mahasiswa mahasiswi baru untuk terus bergerak seiring bersama kami , tenaga pentadbiran dan pengurusan universiti. Marilah kita bersama-sama bergerak maju ke hadapan sekaligus menyahut saranan kerajaan dalam merealisasikan Wawasan 2020.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan Syabas dan tahniah kepada seluruh ahli jawatankuasa pelaksana MSM 2010/2011. Tanpa usaha gigih dan komitmen anda, MSM ini tidak akan mampu dilaksanakan dengan jayanya.

Kepada mahasiswi dan mahasiswa sekalian, selamat meneruskan pengajian di UMS. Pencapaian anda pada masa kini adalah penentu kepada kecemerlangan anda di masa hadapan.

*Sekian wassalamualaikum warahmatuullihi wabarakatuh*